

MB ucap
takziah
kepada
keuarga
Mai Elny

M 14 AUG 2003

ALOR STAR 13
Ogos — Menteri
Besar, Datuk Seri
Syed Razak Syed
Zain hari ini me-
ngucapkan takziah
kepada kaum ke-
luarga pelatih juru-
terbang wanita
TUDM yang terkor-
ban setelah pesa-
wat Pilatus PC-7
terhempas dekat
Changlun, Kubang
Pasu semalam.

Setiausaha poli-
tik Menteri Besar,
Wahab Din membe-
ritahu pemberita,
ucapan itu disam-
paikan kepada be-
liau oleh Syed
Razak yang kini be-
rada di luar negara
kerana mengikut
lawatan Perdana
Menteri, Datuk
Seri Dr. Mahathir
Mohamad.

Katanya, Mente-
ri Besar dan selu-
ruh rakyat negeri
Kedah menyatakan
terharu dengan ke-
malangan yang me-
nimpa Allahyar-
ham Leftenan Mai
Elny Sefrina
Jalaluddin, 22,
yang berasal dari
Kampung Beting,
Kuala Pilah Negeri
Sembilan.

Mai Elny yang
sedang mengikuti
kursus juruterbang
di Kolej Tentera
Udara (KTU) Ke-
pala Batas di sini
sedang membuat
penerbangan solo
apabila pesawat la-
tihan itu terhempas
pada pukul 12.20
tengah hari ini.